

Usah terperangkap

■ Mahasiswa perlu elak jadi alat golongan berkepentingan

Oleh Samadi Ahmad
am@mediaprima.com.my
Dengkil

Golongan mahasiswa dinasihatkan supaya tidak terpengaruh dengan anasir yang cuba mempergunakan mereka untuk kepentingan pihak tertentu sebaliknya tumpuan perlu diberikan kepada pelajaran dan aktiviti berfaedah bagi menjamin masa depan mereka.


Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil Shahrur Mohd Sharif berkata, peluang lanjutkan pelajaran perlu digunakan untuk melakar masa depan yang baik bukan saja untuk kecemerlangan diri malah menunaikan harapan ibu bapa yang mahu melihat anak mereka berjaya.

“Peluang melanjutkan pelajaran haruslah digunakan sebaik mungkin bagi mencapai kecemerlangan dan janganlah terperangkap de-

ngan anasir tidak bertanggungjawab sehingga merosakkan masa depan dan harapan ibu bapa,” katanya ketika berucap pada majlis bacaan yasin dan doa selamat sempena meraikan sekumpulan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) yang terlibat menyertai program baktisiswa di Kampung Dato Haji Ahmad Razali, dekat sini, semalam.

Program berlangsung di Masjid As Syariff itu turut dihadiri Pegawai Pusat Kurikulum UPM Bukirman Sabri, Pengerusi Jawatankuasa Kampung Persekutuan (JKKP) Kampung Dato Haji Ahmad Razali, Mohd Ali Jamil dan nazir masjid Ansor Sarmidi.

Seramai 60 pelajar yang mengambil subjek kokurikulum berkredit menyertai program tiga hari itu yang mendapat kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Penggunaan (KPDNKK).



SHAHRUM (kiri) bersama mahasiswa UPM yang menyertai program baktisiswa di Kampung Dato Haji Ahmad Razali, semalam.

Shahrur berkata, dalam menempuhi kehidupan semakin mencabar, pelajar harus bersedia dengan melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran kerana ia adalah aset penting untuk bersaing mendapatkan peluang pe-

kerjaan di masa hadapan. Menurutnya, sebagai golongan berpendidikan tinggi dan pewaris masa depan negara, golongan mahasiswa harus bijak menilai mana yang baik dan buruk. “Mahasiswa juga harus

menghindarkan daripada melakukan apa saja aktiviti yang tidak membawa faedah kerana kerajaan akan terus memberi kerjasama dalam melaksanakan pelbagai program dianjurkan mahasiswa.

“Golongan muda tidak seharusnya mempercayai segala maklumat di media sosial sebaliknya perlu bijak menilai dan membezakan antara baik serta buruk berasaskan fakta bukan emosi,” katanya.